



SURINA Saad meneliti kad penguat kuasa yang didakwa dimiliki seorang lelaki dipercayai terlibat dalam aktiviti penyeludupan ketum di Felda Mata Ayer, Padang Besar, semalam. - UTUSAN/ NAZLINA NADZARI

# Penyeludup pakai seragam elak dicekup

+Oleh NUR NAZLINA NADZARI  
utusannews@mediamulia.com.my

**PADANG BESAR:** Memakai pakaian seragam pasukan penguat kuasa dipercayai menjadi taktik baharu segelintir penyeludup ketum ketika melakukan jenayah di kawasan sempadan.

Perkara itu didebakkan Ketua Polis negeri, Datuk Surina Saad apabila menemukan pakaian seragam salah sebuah agensi penguat kuasa di rumah penyeludup di Felda Mata Ayer, di sini semalam.

Surina berkata, taktik penyalaman terbaru itu sama dengan kes penyeludup melanggar kenderaan pengiring polis menggunakan kenderaan pacuan empat roda yang ada pelekat agensi kerajaan baru-baru ini.

"Kalau mereka naik motosikal dengan pakaian seragam, mungkin dia (penyeludup) da-

pat mengelak daripada ditahan.

"Kami telah melihat kad keahliannya dan akan membuat pengesahan dengan agensi penguat kuasa terbabit," katanya selepas membuat pemantauan di Felda Mata Ayer, Felda Rimba Mas dan Felcra Lubuk Sireh, semalam.

Sementara itu, Surina berkata, polis mengenal pasti 16 laluan tikus berhampiran sempadan Thailand di Padang Besar yang digunakan untuk tujuan penyeludupan terutamanya ketum dan dadah.

Jelasnya, laluan tikus berhampiran jalan keselamatan dilakukan dengan merosakkan pagar.

Justeru, tegas beliau, pihaknya akan melakukan pembersihan di kawasan tersebut bagi menyekat aktiviti penyeludupan.

"Bayangkan dekat Kampung

Melayu yang saya pergi dulu, boleh melangkah masuk melalui jalan keselamatan untuk sampai ke sempadan. Kalau kita dapat lumpuhkan dalam 30 ke 40 peratus pun itu satu pencapaian yang baik."

"Laluan ini boleh juga digunakan untuk tujuan penyeludupan yang lain tetapi pada ketika ini yang kami tangkap adalah ketum dan dadah," jelasnya.

Sementara itu, Surina memberitahu, sebahagian besar dalam ketum yang diseludup ke Thailand adalah\* dari Kedah dan hanya enam kawasan sahaja dikenal pasti di Perlis iaitu mempunyai skala penanaman ketum yang besar.

Tambahnya, beliau telah berjumpa dengan kira-kira 10 bekas penyeludup semasa lawatan itu bagi menasihati mereka agar tidak terlibat dalam aktiviti penyeludupan lagi.